

SULIT

3767/1

EKONOMI

KERTAS 1

1 JAM 15 MINIT

NAMA:

TINGKATAN:

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TAHUN 2024**

EKONOMI
KERTAS 1
(3767/1)
1 JAM 15 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40 soalan aneka pilihan**.
 2. Anda dikehendaki menjawab **semua** soalan.
 3. Jawab **semua** soalan dalam kertas objektif yang disediakan.
 4. Calon dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.
-

1. Apakah yang dimaksudkan dengan ekonomi ?
 - A. Kajian tentang bagaimana manusia mengatasi masalah kos lepas
 - B. Kajian tentang tindakan manusia untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad
 - C. Kajian tentang bagaimana manusia memaksimumkan keuntungan
 - D. Kajian tentang tindakan manusia untuk mengurangkan pembaziran sumber alam
2. Pernyataan yang manakah benar tentang sumber ekonomi?
 - A. Modal mempunyai penawaran yang terhad dan harganya meningkat secara berterusan
 - B. Buruh merupakan individu yang menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan output
 - C. Tanah merupakan sumber alam semula jadi yang digunakan bagi tujuan menghasilkan barang
 - D. Usahawan adalah individu yang menyumbangkan tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran
3. Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi oleh Syarikat Suhaila Sdn. Bhd.

- Mengeluarkan barang dengan cara memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos
- Bergantung kepada corak agihan pendapatan

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh Syarikat Suhaila Sdn. Bhd.?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
 - II Berapa yang hendak dikeluarkan
 - III Bagaimana hendak dikeluarkan
 - IV Untuk siapa hendak dikeluarkan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
4. Maklumat berikut berkaitan ciri sistem ekonomi sebuah negara.

- Wujud persaingan antara firma
- Kerajaan mengawal harga melalui sistem cukai dan subsidi

Negara tersebut mengamalkan sistem ekonomi

- A. Islam
- B. Pasaran Bebas
- C. Campuran
- D. Perancangan Pusat

5. Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan ciri sebuah sistem ekonomi.

- Wujud persaingan antara firma
- Matlamat utama firma adalah memaksimumkan keuntungan

Bagaimanakah sistem ekonomi di atas menyelesaikan masalah asas ekonomi?


- I Jenis barang ditentukan oleh pengeluar
- II Kualiti barang ditentukan oleh pengguna
- III Kaedah pengeluaran berdasarkan untung maksimum
- IV Agihan barang berdasarkan corak agihan pendapatan masyarakat

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

6. Antara berikut yang manakah akan mengurangkan permintaan terhadap ayam?

- A. Harga ikan menurun
- B. Pendapatan individu meningkat
- C. Perubahan dalam teknologi penternakan
- D. Kerajaan menarik balik subsidi kepada penternak ayam

7. Rajah 1 menunjukkan keseimbangan pasaran bagi barang Y.



Rajah 1

Apakah yang akan berlaku jika harga pasaran barang lebih rendah dari RM10?

- A. Lebihan permintaan
- B. Lebihan penawaran
- C. Harga tidak berubah
- D. Harga cenderung turun

8. Jadual 1 berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
2	20
4	10

Jadual 1

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM2 ke RM4?

- A. 0.25
 - B. 0.50
 - C. 1.50
 - D. 2.00
9. Seseorang pengeluar akan menggunakan strategi peningkatan harga barang jika
- A. Darjah ketagihan barang adalah rendah
 - B. Nisbah pendapatan yang dibelanjakan adalah besar
 - C. Jenis barang yang dikeluarkan adalah barang mewah
 - D. Tidak mempunyai banyak barang pengganti
10. Jadual 2 di bawah ini menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan.

Harga (RM)	Kuantiti ditawarkan (unit)
2	8
4	Q

Jadual 2

Jika harga meningkat dari RM2 ke RM4, berapakah nilai **Q** jika keanjalan harga penawaran barang tersebut ialah 0.5?

- A. 10 unit
 - B. 12 unit
 - C. 16 unit
 - D. 24 unit
11. Apakah peranan yang dimainkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) selaku jurubank kepada bank perdagangan?
- A. Menjaga rizab berkanun
 - B. Menyimpan dan mengurus akaun
 - C. Menguruskan kadar pertukaran asing
 - D. Menguruskan hutang bank perdagangan

12. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat Mesra Berhad.

Syarikat Mesra Berhad mempunyai hampir 10 000 tenaga kerja yang menjalankan tugas mengikut kepakaran masing-masing. Pada setiap bulan, semua pekerja akan menerima upah yang dimasukkan terus ke akaun mereka. Ini memudahkan mereka menerima upah pada masa yang telah ditetapkan.

Kemudahan manakah yang telah digunakan oleh majikan Syarikat Mesra Berhad?

- A. Draf bank
- B. Debit langsung
- C. Pindahan kredit
- D. Perintah sedia ada

13. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis perkhidmatan yang disediakan oleh bank perdagangan.

Puan Insyirah mempunyai baki sebanyak RM 5000 dalam akaun semasa di Bank Damai Berhad. Bank Damai Berhad memberikan kemudahan overdraf sebanyak RM 15 000 dengan mengenakan faedah sebanyak 3% setahun. Puan Insyirah telah mengeluarkan wang tunai sebanyak RM 10 000 bagi menampung keperluan modal perniagaannya.

Berapakah jumlah yang perlu dibayar semula oleh Puan Insyirah untuk kemudahan tersebut selama setahun ?

- A. RM 5000
- B. RM 5150
- C. RM 5450
- D. RM 10 000

14. Maklumat yang berikut berkaitan dengan pendapatan individu.

Pendapatan diterima tanpa memberi sebarang sumbangan dalam ekonomi.

- I Upah
 - II Biasiswa pendidikan
 - III Pencen pesara kerajaan
 - IV Keuntungan perniagaan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

15. Antara berikut yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembelian barangan secara kredit?

- A. Pengguna akan membayar pada harga yang lebih rendah
- B. Berlaku peningkatan dalam taraf hidup pengguna
- C. Menggalakkan pengguna berbelanja melebihi pendapatan
- D. Pengguna menikmati diskaun harga yang lebih banyak

16. Pernyataan manakah yang benar tentang risiko pelaburan?

- A. Unit amanah mempunyai risiko tinggi kerana risiko dikongsi antara pelabur dana yang lain
- B. Saham mempunyai risiko yang rendah kerana bergantung kepada turun dan naik harga saham
- C. Sekuriti kerajaan mempunyai risiko yang tinggi kerana pelaburan tidak dijamin oleh kerajaan
- D. Simpanan tetap bawah RM250 000 di bank perdagangan adalah bebas risiko kerana di jamin oleh PIDM

17. Pernyataan manakah yang menerangkan fungsi pengeluaran jangka pendek?

- A. Input tetap tidak berubah walaupun output bertambah
- B. Input tetap berubah secara langsung dengan penambahan output
- C. Input tetap dengan input berubah tidak digunakan pada output sifar
- D. Input tetap dan input berubah akan ditambah untuk meningkatkan output

18. Jadual 3 menunjukkan jumlah keluaran dan jumlah kos bagi firma Ossim Berhad.

Jumlah keluaran (unit)	40	43
Jumlah kos (RM)	8 000	8 400

Jadual 3

Berapakah kos sut pada keluaran ke 43?

- A. RM 133.33
- B. RM 186.04
- C. RM 195.34
- D. RM 200.00

19. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

Output	: 1000 unit
Harga jualan seunit	: RM15.00
Kos purata	: RM10.00

Berapakah jumlah hasil dan jumlah untung bagi firma tersebut?

	Jumlah Hasil	Jumlah Untung
A	RM150	RM50
B	RM15 000	RM5 000
C	RM10 000	RM15 000
D	RM20 000	RM25 000

20. Pernyataan yang manakah betul tentang kos purata ?

- A. Kos yang berubah akibat daripada perubahan seunit output
- B. Kos yang berubah secara langsung dengan perubahan output
- C. Perbelanjaan yang semakin meningkat sepanjang tempoh pengeluaran
- D. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menghasilkan seunit output

21. Antara berikut, faktor yang manakah akan meningkatkan produktiviti?

- I Proses membuat keputusan yang rumit
 - II Prosedur kerja yang ringkas dan fleksibel
 - III Tenaga kerja yang mahir dan berkebolehan
 - IV Persekitaran kerja yang sempit dan berbahaya
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

22. Antara yang berikut, pilih pernyataan yang tepat menggambarkan barang awam.

- A. Encik Amin membayar sebanyak RM450 untuk kos penyelenggaraan keretanya
- B. Pihak Zoo Taiping telah menyediakan kemudahan parkir khas untuk semua pengunjungnya
- C. Puan Amysha menghantar anaknya ke Pusat Tuisyen Bestari pada setiap hujung minggu sebagai persediaan menghadapi SPM
- D. Semua pelajar diingatkan untuk membalut dan menjaga semua buku teks yang telah dibekalkan oleh pihak sekolah

23. Apakah kesan pelaksanaan subsidi oleh kerajaan dalam mengawal selia eksternaliti negatif?

- A. Menggalakkan penggunaan teknik pengeluaran berasaskan teknologi hijau
- B. Menempatkan secara khusus kawasan perindustrian di kawasan tertentu
- C. Menetapkan harga yang lebih rendah daripada harga keseimbangan
- D. Mengisytiharkan barang penggunaan sebagai barang kawalan

24. Maklumat di bawah menunjukkan keadaan sesebuah ekonomi.

Harga input bagi pengeluaran perabot telah meningkat sebanyak 7% menyebabkan harga perabot di pasaran juga meningkat sebanyak 10%.

Antara yang berikut, jenis inflasi manakah yang berkaitan?

- A. Inflasi diimport
- B. Inflasi bermusim
- C. Inflasi tolakan kos
- D. Inflasi tarikan permintaan

25. Situasi yang manakah **betul** berkaitan cukai langsung yang diterima kerajaan?

- A. Asmira perlu membayar duti kerana membeli kenderaan yang diimport dari luar negara
- B. Rina perlu membelanjakan bayaran levi kerana menggunakan pembantu rumah dari Indonesia
- C. Zulfakar dikenakan denda oleh pihak berkuasa tempatan akibat tidak mempamerkan kupon tempat meletak kenderaan
- D. Qisya perlu membuat potongan bulanan kepada LHDN kerana gaji diterimanya melebihi nilai yang telah ditetapkan

26. Maklumat di bawah menunjukkan satu contoh komponen perbelanjaan pembangunan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membina rumah kediaman mampu milik untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana seluruh negara.

Apakah komponen perbelanjaan tersebut?

- A. Sektor keselamatan
- B. Sektor pentadbiran am
- C. Sektor perkhidmatan sosial
- D. Sektor perkhidmatan ekonomi

27. Bank Negara Malaysia menurunkan kadar rizab tunai bank perdagangan. Apakah kesan tindakan tersebut terhadap ekonomi negara?

- I Inflasi dapat dikawal
- II Jumlah permintaan barang akan jatuh
- III Keupayaan bank memberi pinjaman meningkat
- IV Penawaran wang dalam pasaran akan bertambah

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

28. Apakah faktor yang menggalakkan globalisasi?

- A. Penambahan syarat permohonan visa
- B. Infrastruktur pengangkutan yang kurang cekap
- C. Peningkatan sekatan perdagangan antarabangsa
- D. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi

29. Antara berikut, yang manakah kebaikan sekatan perdagangan antarabangsa terhadap negara?

- I Peningkatan pelaburan asing
- II Meningkatkan peluang pekerjaan
- III Membolehkan industri muda berkembang dan bersaing
- IV Menambah aliran wang ke luar negara

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

30. Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan Akaun Semasa Malaysia.

Imbangan Akaun Semasa Malaysia catat defisit RM26.1 bilion pada suku ketiga 2020.

Pernyataan yang manakah betul tentang keadaan tersebut?

- A. Nilai ringgit cenderung turun
- B. Kuantiti import dari luar negara berkurang
- C. Permintaan ringgit melebihi penawaran ringgit
- D. Aliran masuk wang dari dalam negara bertambah

31. Maklumat di bawah berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Malaysia.

Syarikat Jana Utama dari Malaysia menggunakan kapal terbang Garuda Indonesia untuk menghantar mesin ke China.

Antara yang berikut, yang manakah yang berkaitan dengan urusan tersebut?

- I Eksport barang nampak
- II Eksport barang tak nampak
- III Import barang nampak
- IV Import barang tak Nampak

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

32. Jadual 4 menunjukkan kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tahun	Kadar Pertukaran
Disember 2019	USD1= RM4.10
Januari 2020	USD1= RM3.80

Jadual 4

Firma Y mengimport suatu barang dari Amerika Syarikat bernilai USD50 000 pada bulan Disember 2019, tetapi pembayaran dilakukan pada Januari 2020.

Pasangan yang manakah betul tentang kesan kepada Firma Y?

	Untung / Rugi	Nilai (RM)
A	Untung	15 000.00
B	Untung	962.80
C	Rugi	962.80
D	Rugi	15 000.00

33. Permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan berlaku apabila

- A. Nilai Ringgit Malaysia dijangka meningkat pada masa hadapan
- B. Kegemaran rakyat Malaysia membeli barang buatan Malaysia
- C. Pertambahan dalam jumlah eksport negara Malaysia
- D. Pemindahan modal ke luar negara merosot

Soalan 34 hingga **soalan 40** berdasarkan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

34. I Keluk permintaan menunjukkan kuantiti diminta barang pada pelbagai tingkat harga.
II Hubungan songsang digambarkan oleh keluk permintaan yang mencerun ke atas dari kiri ke kanan.
35. I Kehendak ialah keinginan manusia terhadap barang dan perkhidmatan yang tidak dipengaruhi oleh saiz pendapatan.
II Contoh kehendak ialah Program Perumahan Rakyat (PPR).
36. I Pengeluaran ialah proses menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.
II Pengeluaran ialah suatu transformasi input kepada barang perantaraan atau barang akhir.
37. I Untung merupakan ganjaran kepada buruh atas usahanya menggabungkan faktor pengeluaran dan sanggup menanggung risiko.
II Untung adalah perbezaan antara jumlah hasil dengan jumlah kos.
38. I Inflasi merujuk kepada kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan dalam pasaran.
II Inflasi akan menyebabkan peningkatan daya saing barang tempatan di pasaran global.
39. I Perbelanjaan mengurus merupakan perbelanjaan semasa yang berulang-ulang yang ditanggung oleh kerajaan.
II Contoh perbelanjaan mengurus ialah pemberian subsidi
40. I Globalisasi merupakan proses interaksi dan integrasi antara manusia, syarikat dan kerajaan sebuah negara.
II Perkembangan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyebabkan wujudnya globalisasi dalam pasaran baharu.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

Disediakan dan semak Oleh

Disahkan oleh

.....
Guru Ekonomi dan Ketua Panitia Ekonomi
MASNI TANRA

.....
Guru Kanan Matapelajaran Teknik & Vokasional
BUNGA JURIAH MIJAN